

AMALAN PSIKOLINGUISTIK DALAM PENGUASAAN SINTAKSIS BAHASA MELAYU MURID TAHUN 1

Noor Aina Dani

Muhammad Saiful Haq Hussin

Abstrak

Penyelidikan ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti amalan psikolinguistik yang diterapkan oleh guru semasa mengajar dan dapat pula dihayati oleh murid Tahun 1. Amalan psikolinguistik tersebut membolehkan murid Tahun 1 memahami dan menguasai bahan bacaan asas pada peringkat sintaksis dalam bahasa Melayu dengan lebih baik. Penyelidikan jenis eksperimen uji dan uji semula ditadbir ke atas sejumlah 50 orang murid Tahun 1 di Sekolah Kebangsaan (SK) Morak, dalam daerah Tumpat, Kelantan. Dapatkan penyelidikan diperoleh daripada proses pengujian sebanyak dua kali berdasarkan item yang terkandung dalam modul Asas Membaca.

Selain menggunakan penyelidikan jenis eksperimen, penyelidik turut menggunakan kaedah pemerhatian terkawal ke atas semua subjek kajian. Tinjauan berdasarkan soal selidik dilakukan terhadap guru dan subjek kajian yang terlibat, manakala temu duga tidak berstruktur dijalankan terhadap ibu bapa dan penjaga murid. Data yang diperoleh melalui rekod pencapaian murid dianalisis dan dirumuskan.

Keputusan kajian ke atas subjek menunjukkan bahawa subjek boleh menguasai bacaan asas pada peringkat sintaksis dengan baik dan berkesan sesudah guru menerapkan amalan psikolinguistik dalam pengajarannya. Peningkatan penguasaan bacaan asas pada peringkat sintaksis berlaku kerana mereka didedahkan dengan kepelbagaiannya kaedah, teknik dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang bersistematis selaras dengan amalan psikolinguistik.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa aplikasi amalan psikolinguistik mempunyai pengaruh yang sangat signifikan ke atas pemahaman dan penguasaan kemahiran asas bacaan pada peringkat sintaksis dalam bahasa Melayu.

Abstract

The research seeks to identify and examine the psycholinguistics practices that has been instilled and inculcate by the teacher in their teaching methods and could be acquired effectively by the Year 1 pupils. The psycholinguistics experiences enable the Year 1 pupils to understand and acquire the basic Malay (Bahasa Melayu) of syntax level resource materials better. This experimental research based on test and retest were administered on 50 Year 1 pupils of SK Morak in the district of Tumpat, Kelantan. The research findings were obtained from two consecutive tests based on the items contained in the Malay Basic Reading Module.

Apart from using the quantitative experimental research, the researcher also used qualitative controlled observational method on all the subjects studied. Survey based on a set of questionnaires were carried on the teachers involved and the subjects studied. Unstructural interviews protocol, were also conducted on the parents and guardians. The data obtained through the achievement records were analysed and studied.

The findings on the subjects showed that the subjects enable to acquire the basic reading skills at syntax level better and more effective after instilling the psycholinguistics practices in the teaching and learning methods. The improvement in acquisition of basic reading skills at syntax level was due to the exposition to various psycholinguistics teaching materials, techniques, learning strategies and a systematic teaching and learning approach based on psycholinguistics practices.

From the research, we can deduce that the application of psycholinguistics has a very significance influence on the understanding and acquisition of the basic reading skills at syntax level in bahasa Melayu.

PENDAHULUAN

Aspek pemerolehan bahasa memainkan peranan yang sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa, khususnya pada peringkat Tahun 1 (asas pendidikan formal). Oleh sebab itu, penguasaan pelajar dalam kemahiran berbahasa pada peringkat asas perlu diberikan perhatian dan penekanan agar pelajar dapat menjadikan bahasa sebagai alat yang berupaya menyampaikan maklumat dengan berkesan. Dalam hal ini, proses P&P pada peringkat asas menjadi dasar untuk membina dan mengukuhkan sistem persekolahan yang seterusnya.

Amalan Psikolinguistik dalam Penguasaan Sintaksis dari Sudut Psikolinguistik

Menurut psikolinguistik kognitif, “Membaca akan bermula dengan makna dan berakhir dengan makna pula.” (Mangantar Simanjuntak, 1988:160). Ini menunjukkan bahawa makna itu pula bergantung pada dan ditentukan oleh pengetahuan dunia pembaca yang diperolehnya sejak dilahirkan lagi. Ini juga bermakna seseorang yang baik dan berkesan akan selalu mengarahkan pengetahuan dunianya untuk memberi makna kepada lambang tulisan yang dibacanya, seterusnya untuk mendapatkan erti daripada lambang tulisan itu. Oleh itu, proses membaca menurut pandangan psikolinguistik kognitif merupakan, “satu proses dua hala”, iaitu saling bertimbali balas dari lambang ke otak dan dari otak ke lambang tulisan. Lihat Rajah 1 seterusnya:



Rajah 1 Proses membaca menurut psikolinguistik kognitif merupakan satu proses dua hala: hala 1 memberi tanda saran (*cue*); hala 2 menggerakkan otak mendapatkan erti daripada lambang tulisan.

Sumber: Dipadankan daripada Mangantar Simanjuntak (1988:161)

Hala yang pertama (dari lambang ke otak) itu hanyalah merupakan tanda saran (*cue*) belaka untuk membantu otak melakukan tugasnya, iaitu meramalkan, mentafsirkan secara tentatif, dan kemudian memastikan kata-kata dalam kalimat yang dibaca dengan pertolongan erti yang dikerahkan oleh otak dan yang disokong oleh sintaksis dan konteks kata-kata tersebut. Dengan kata lain, untuk menterjemahkan makna ayat. Semakin kecil sedikit tanda saran yang diperlukan semakin lancar proses membaca dapat dilakukan. Pembaca yang lancar dapat membaca lebih kurang 400 patah perkataan dalam satu minit dan kelancaran inilah yang menjadi objektif kepada pembaca.

Sekiranya pendekatan yang salah diajarkan kepada seseorang murid, mereka hanya akan dapat mencapai kelancaran antara 150 hingga 200 patah perkataan dalam satu minit apabila dia dewasa nanti (Mangantar Simanjuntak, 1988:161). Selain itu, minat membaca terhadap bahan bacaan ke atas murid ini tidak seperti yang diharapkan, kerana minat membaca yang sangat diharapkan itu telah dimatikan oleh pendekatan yang salah tadi secara tidak disedari. Oleh sebab itu, pemilihan pendekatan pengajaran membaca di sekolah rendah (SR) adalah sangat penting.

Tujuan utama membaca adalah untuk mendapatkan erti atau makna daripada bahan bacaan (teks) dan bukannya untuk membunyikan lambang bertulis dalam teks itu semata-mata. Sebaliknya, kemampuan membunyikan lambang bertulis merupakan tujuan tambahan sahaja.

Menurut fahaman psikolinguistik kognitif, membaca melibatkan banyak faktor, seperti faktor lambang bertulis, penglihatan, ingatan jangka pendek, bahasa dan tatabahasa, erti, pengetahuan dunia, dan lain-lain. Menurut Mangantar Simanjuntak (1988:161), definisi membaca menurut fahaman tersebut adalah seperti yang berikut:


Membaca adalah satu proses psikolinguistik yang berlaku apabila seseorang pembaca membentuk semula di dalam fikirannya (otaknya) erti yang ingin disampaikan seseorang penulis melalui lambang-lambang bertulis yang dibaca oleh pembaca tadi.

Daripada definisi tersebut, jelaslah bahawa seseorang pembaca tidak perlu membunyikan lambang bertulis itu terlebih dahulu, sama ada secara kuat atau secara dalam hati dan selepas itu mengenal kata-kata yang dibunyikan, dan kemudian menarik ertinya. Menurut definisi tersebut, seorang pembaca harus dapat segera menarik erti daripada teks dengan pertolongan yang minimum daripada tanda saran yang didapati daripada lambang bertulis dalam teks itu dengan tidak membunyikan kata-katanya satu per satu.

Dengan demikian jelaslah bahawa psikolinguistik kognitif telah menolak definisi membaca menurut teori pembelajaran lama (tradisional) yang mengatakan bahawa membaca adalah satu kegiatan mengenal kata-kata dengan cara membunyikannya (dalam hati) dan kemudiannya menarik erti daripada kata tersebut. Definisi ini seolah-olah mementingkan pengenalan kata yang tepat secara satu per satu dengan cara membunyikannya terlebih dahulu sebelum pembaca dapat menarik erti sesuatu kalimat yang dibaca.

Definisi ini telah mengetepikan peranan yang dimainkan oleh pembaca. Pembaca merupakan satu organisme yang pasif, yang hanya menunggu

kemasukan erti dari luar. Ini merupakan satu proses satu hala yang sangat bercanggah dengan keadaan yang sebenarnya. Proses satu hala ini sangat ditentang oleh psikolinguistik kognitif kerana tidak mengambil kira peranan yang dimainkan oleh pembaca (Lihat Rajah 2).



Rajah 2 Definisi dan proses membaca menurut pandangan psikolinguistik kognitif.
Sumber: Dipadankan daripada Mangantar Simanjuntak (1988:162).

Untuk menjelaskan kenyataan tersebut, Rajah 2 di atas menggambarkan definisi dan proses membaca yang sebenarnya dengan lebih terperinci lagi. Jelaslah di sini bahawa tujuan utama membaca adalah untuk mendapatkan erti yang sebenarnya. Untuk mendapatkan erti yang sebenarnya ini, pembaca memerlukan tanda saran daripada huruf atau kalimat bertulis. Tanda saran inilah yang merangsang otak untuk mengarahkan pengalaman dan pengetahuan dunia pembaca untuk meramalkan erti dan seterusnya merumuskan erti yang sebenarnya dengan melakukan integrasi rekonstruksi.

PENDEKATAN DARI PERSPEKTIF PSIKOLINGUISTIK

Pemerolehan bahasa merupakan teori bahasa yang menjadi anutan oleh psikolinguistik kognitif. Dalam hal ini, manusia memiliki, memperoleh, memahami dan menuturkan bahasa kerana manusia secara semula jadi-

nya telah dipersiapkan untuk tujuan tersebut. Oleh itu, bahasa inilah juga yang membezakan manusia daripada binatang, kerana binatang mempunyai otak tapi tidak berakal, manakala manusia mempunyai otak serta akal yang membolehkannya berfikir dan membuat keputusan.

Setiap orang bayi yang dilahirkan memiliki bahasa dalaman (bahasa nurani) dan alat pemerolehan bahasa dikenali sebagai *Language Acquisition Device* atau LAD (Chomsky, 1965: 47) secara semula jadi. LAD inilah yang membolehkan bayi tadi memperoleh bahasa ibundanya secara alamiah (natural), iaitu tanpa pengajaran formal. Yang perlu ada hanyalah agar LAD dapat bekerja menerima pendedahan yang cukup kepada bahasa ibundanya itu. Proses pemerolehan bahasa ini menurut Lenneberg (1967: 175) akan berlaku terus dari umur dua tahun sehingga umur murid tersebut mencapai lebih kurang 14 tahun (mengikut Mangantar Simanjuntak, di sekitar lebih kurang 13 tahun). Lazimnya orang mengatakan bahawa sesudah usia baligh, iaitu 12 hingga 14 tahun, sedikit atau tidak ada kemajuan yang menonjol dalam perolehan bahasa pertama.

Namun begitu pemerolehan bahasa dasar telah pun selesai dan disempurnakan pada waktu bayi berumur di antara tiga hingga lima tahun, iaitu pada waktu murid memasuki Tadika. Jadi sepatutnya kanak-kanak Melayu Tadika yang memasuki Tahun 1 telah pun dapat menguasai bahasa dasar, bahasa Melayunya sebagai bahasa pertama, kecuali kanak-kanak bangsa lain yang hanya memperoleh bahasa Melayu sebagai bahasa keduanya. LAD juga akan membantu murid dalam proses pembelajaran mereka iaitu melalui celik akal, ini kerana penggunaan celik akal akan mempercepat kemajuan belajar dan seterusnya mempercepat pencapaian kemahiran dalam aspek pembelajaran.

Menurut Mangantar Simanjuntak (1988: 164), bahasa luaran pula terbahagi kepada dua, iaitu bahasa lisan dan bahasa tulisan. Bahasa lisan dihasilkan atau diterbitkan melalui perantaraan bunyi sedangkan bahasa tulisan dihasilkan dan diterbitkan melalui perantaraan lambang bertulis (huruf). Bahasa lisan dapat kita fahami melalui telinga dan bahasa tulisan pula dapat kita fahami melalui mata; yang pertama itu kita sebut sebagai mendengar sedangkan yang kedua pula kita sebut sebagai membaca. Proses mendengar dan proses membaca merupakan dua entiti (sistem) yang berasingan, namun kedua-duanya tetap dilandasi dengan bahasa nurani, LAD dan pengetahuan dunia serta pengalaman yang sama.

Pendekatan psikolinguistik kognitif, tidak menggalakkan pengajaran huruf, pengajaran suku kata, kata atau kalimat secara formal seperti mana pelaziman yang dilakukan oleh guru Tahun 1, iaitu secara formal dengan

memakai alat penunjuk, menyuruh kanak-kanak membunyikan suku kata atau huruf dan kemudiannya menyuruh mereka mencantumkan suku kata menjadi kata dan seterusnya menjadi kalimat diikuti dengan pujian dan hadiah atau hukuman dan kritikan. Semua perkara ini diharamkan oleh psikolinguistik kognitif kerana pendekatan ini akan menimbulkan masalah psikologi yang tidak diinginkan dalam sistem pembelajaran selanjutnya.

Tujuan utama pengajaran dan pembelajaran membaca bagi pendekatan psikolinguistik adalah agar kanak-kanak gemar dan suka membaca untuk mendapatkan erti, dan tahu cara membaca untuk mendapatkan erti itu. Jadi, tujuan pengajaran dan pembelajaran membaca bukanlah untuk kanak-kanak tahu membaca dengan cara membunyikan kata-kata. Untuk mencapai kedua-dua tujuan utama tersebut, langkah yang berikut haruslah diperhatikan oleh guru Tahun 1 dan diikuti dengan tegas dan berkesan:

- i. Pengajaran huruf, suku kata, kata ataupun kalimat secara formal haruslah dielakkan.
- ii. Pengajaran membaca formal yang menimbulkan perasaan takut, waswas, bimbang dan keadaan yang negatif lainnya haruslah dielakkan.
- iii. Janganlah gembira apabila kanak-kanak dapat membunyikan huruf atau kata bertulis dengan kuat, tetapi bergembiralah apabila mereka memahami kata itu sekalipun mereka tidak pandai membunyikannya. Kebolehan membunyikannya adalah tidak memberikan apa-apa makna kepada mereka.
- iv. Murid bukanlah binatang sarkas yang hanya perlu dibentuk mengikut kehendak guru, tetapi sebaliknya mereka ialah makh-luk kecil yang mempunyai otak yang akan menentukan proses pengajaran dan pembelajaran mereka.
- v. Yang perlu ditekankan oleh guru Tahun 1 di bilik darjah bukanlah kemampuan mengenal nama dan membunyikan huruf, kata dan kalimat, tetapi kemampuan berfikir, kemampuan melihat kategori dan konsep, kemampuan menimbang, membezakan, dan menilai serta memahami sesuatu. Jadi, yang mustahak ialah ketegasan dan kejelasan kognitif.
- vi. Cara murid berfikir, cara mereka belajar haruslah menjadi titik tolak dan dasar bagi setiap kegiatan di bilik darjah Tahun 1, dan bukannya apa yang difikirkan dan diinginkan oleh guru atau ibu bapa.
- vii. Yang dimaksudkan dengan tahu cara membaca adalah dengan

- tidak melihat huruf demi huruf atau suku kata demi suku kata tetapi segera melihat keseluruhan ayat dan mampu mengenal segera bentuk linguistik, iaitu formatif kata dan tatabahasa untuk menarik erti dengan serta-merta.
- viii. Murid cepat bosan dan takut apabila mereka diajar tentang benda atau perkara yang tidak mempunyai erti. Apabila perasaan bosan, takut, waswas dan benci menyelinap dalam hati murid maka proses pembelajaran sepanjang hidupnya termasuk pembelajaran membaca akan terganggu. Oleh sebab itu, segala bentuk kegiatan formal yang terlalu mengekang kebebasan murid, yang tidak bererti dan tidak menarik haruslah dielakkan.
 - ix. Guru juga harus mampu menciptakan kegiatan dan suasana kekeluargaan yang mesra, yang penuh kasih sayang, yang menarik dan menghiburkan. Tetapi di samping memberikan kemesraan, kasih sayang, hiburan yang menarik, kegiatan dan suasana itu haruslah menambah pengalaman baharu dan pengetahuan bahasa, serta meningkatkan daya fikir dan perkembangan kognitif mereka yang lain.
 - x. Setiap orang guru SR juga haruslah ingat bahawa membaca itu ialah satu kegiatan kognitif dan hasil daripada setiap kegiatan kognitif bukanlah secebis perilaku membunyikan bahasa tetapi satu struktur kognitif dalaman yang produktif dan kreatif.

Setelah teori atau pendekatan tersebut betul-betul diperhatikan dan diikuti oleh guru SR, maka pelopor pendekatan psikolinguistik kognitif ini yakin bahawa kita mampu menciptakan satu generasi yang jauh lebih baik, satu generasi yang gemar membaca dan tahu cara membaca, satu generasi yang tidak memerlukan kempen gemar membaca, satu generasi yang produktif, kreatif dan rasional.

Kaedah Pengajaran dari Perspektif Psikolinguistik

Kaedah pengajaran penting dalam proses menguasai bacaan. Jika kaedah pengajaran salah, maka proses bacaan tidak menarik dan boleh membunuh minat murid untuk membaca. Murid dapat menguasai kemahiran yang diajarkan kepada mereka sekiranya perkataan yang didedahkan mewakili perkataan yang telah dikuasainya secara lisan.

Kaedah (Mangantar Simanjuntak, 1988: 166) di Lampiran 1 boleh dijadikan panduan kepada guru SR untuk menciptakan kaedah mereka sendiri. Setiap guru seharusnya peka terhadap latar belakang murid dan persekitarannya.

Kaedah pengajaran sebenarnya bergantung pada guru-guru yang mengajar mata pelajaran tersebut. Proses yang amat penting dalam pengajaran bacaan adalah pada peringkat permulaan, kerana pada peringkat inilah kanak-kanak perlu dibimbing dan diasuh dengan betul dan sabar. Peringkat ini juga memerlukan guru yang benar-benar berpengalaman, mengetahui serta menguasai kaedah pengajaran yang sesuai dari segi kognitif (psikologi) dan perkembangan fizikal (psikomotor) kanak-kanak.

Teknik Pengajaran dari Perspektif Psikolinguistik

Teknik merupakan strategi atau muslihat untuk menolong murid-murid yang agak lemah. Pada kebiasaan teknik ini bersifat individu atau melibatkan dua atau tiga orang murid. Sekiranya ada murid yang lembap sehingga tidak dapat membezakan kata-kata yang hampir serupa ejaannya, guru seharusnya mampu menciptakan permainan khusus sebagai satu teknik pemulihan. Misalnya permainan kontrastif minimum (Mangantar Simanjuntak, 1988: 168), didapati kata-kata yang berbeza pada satu fonem (bunyi) dikontraskan, contohnya fonem yang sukar untuk dikuasai oleh mereka:

[mama]
[mami]

Guru: "Sekarang cikgu akan menulis dua kata di papan hitam. Cuba lihat sama ada kedua-dua kata ini sama atau berlainan."

Murid: "Berlainan"

Guru: "Cuba baca." ... dan seterusnya.

Hal sedemikian diperlukan kerana fonem merupakan unit tatabahasa terkecil yang boleh membezakan makna, maka kehadiran dan kepentingannya dalam perkataan dan ayat tidak dapat dinafikan.

Sebenarnya segala bentuk pengajaran dan pembelajaran secara formal dengan disiplin yang ketat dalam pengajaran membaca haruslah dielakkan. Segala-galanya harus dilakukan dengan cara bermain-main. Dengan cara bermain-main, guru memberikan pendedahan yang sebanyak-banyaknya kepada bahan bertulis selepas proses pengayaan bahasa dan pengalaman

dijalankan. Dengan demikian, proses pengajaran dan pembelajaran membaca dilakukan dengan cara yang sealamiah mungkin. Sekali lagi tujuan utama membaca, menarik erti dan tahu cara membaca, haruslah ditekankan sejak awal-awal lagi. Cara murid-murid berfikir dan belajar harus selalu diambil kira. Mereka haruslah dilatih melalui kegiatan kognitif yang produktif dan kreatif.

Latar Belakang Kajian

Kajian ini dijalankan di Sekolah Kebangsaan Morak. Sekolah Kebangsaan Morak terletak di dalam daerah Tumpat, jaraknya ialah sembilan kilometer dari bandar Kota Bharu.

Murid-murid sekolah ini keseluruhannya terdiri daripada bangsa Melayu (Lihat Jadual 1). Kebanyakannya anak-anak penduduk asal kampung sekitar yang mendiami kawasan tersebut sejak turun-temurun lagi, namun terdapat juga pemastautin dari luar yang mendiami kawasan tersebut. Dari segi kedudukan geografinya kampung ini juga tidak jauh letaknya daripada sempadan Thailand (Selatan), iaitu kira-kira 15 kilometer dari pekan Takbai (Selatan Thailand) yang bersempadan dengan Pengkalan Kubor.

Jadual 1 Maklumat murid dan kelas Tahun 1 hingga Tahun 6 (2003) mengikut bangsa di SK Morak.

Tahun (Darjah)	Bilangan Murid										Bil. Kelas			
	Melayu		Cina		India		Lain-lain		Jumlah		Jum	Pg	Ptg	Jum
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P				
1	76	60							76	60	136	3		3
2	71	57							71	57	128		4	4
3	75	63							75	63	138		4	4
4	63	76							63	76	139	4		4
5	63	62							63	62	125	3		3
6	79	59							79	59	138	4		4
Jumlah	427	377	0	0	0	0	0	0	427	377	804	14	8	22
Prasekolah	12	13					-		13	13	25	1		1
Jum Besar	439	390	0	0	0	0	0	0	439	390	829	15	8	23

Jumlah bilangan murid Tahun 1 mewakili 16.4% daripada keseluruhan jumlah murid. Dari segi taburan murid di sekolah ini, kebanyakannya

datang dari kawasan kampung yang berhampiran dengan sekolah, iaitu dari kampung Morak, kampung Mesira, kampung Kebakat, kampung Kepulau dan kampung Paloh. Kebanyakan ibu bapa mereka bekerja sebagai petani, ada juga sebilangan kecil daripada ibu bapa mereka bekerja sebagai kakitangan kerajaan seperti pegawai, doktor, guru, kerani dan kakitangan hospital.

Kebanyakan guru yang bertugas di sekolah ini berasal dari negeri Kelantan, namun ada juga yang berasal dari luar negeri Kelantan. Kesemua mereka telah mendapat latihan keguruan secara formal di maktab keguruan di dalam negara. Kebanyakannya mempunyai pengalaman mengajar melebihi lima tahun ke atas. Majoriti daripada mereka berminat dengan tugas dan profesi keguruan yang diceburi.

Jadual 2 Pengalaman mengajar guru-guru Bahasa Melayu Tahun 1 (2003) di SK Morak.

Kelas/ Tahun	Pengalaman (tahun)	Jantina	Kelulusan
Cemerlang	5	P	SPM
Bistari	8	P	STPM
Dinamik	8	P	STPM

Pengalaman mengajar guru adalah sangat penting kerana guru yang berpengalaman akan lebih memahami masalah murid-murid. Guru berpengalaman dapat mengendalikan kelas dengan baik. Dari segi kelayakan akademik, didapati semua guru yang ditugaskan untuk mengajar Tahun 1 mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) serta telah menerima latihan secara formal tentang Kurikulum Baharu Sekolah Rendah (KBSR) di maktab perguruan dalam bidang yang berkenaan sebelum ditauliahkan sebagai guru terlatih.

Daripada hasil temu bual, didapati 100% guru tidak memahami dengan jelas serta mendalam tentang konsep psikolinguistik. Jadi berkemungkinan guru-guru ini tidak dapat menerapkan teori psikolinguistik dalam pengajaran bahasa Melayu dengan mantap, khasnya dalam penguasaan bacaan asas. Namun tidak dinafikan bahawa berkemungkinan penerapanya dilakukan tanpa disedari.

Guru-guru juga keliru tentang konsep asas dalam pengajaran, seperti pendekatan, kaedah dan teknik. Kebanyakan mereka beranggapan bahawa

kONSEP ini adalah serupa, kerana mereka sangat bergantung pada buku-buku panduan KBSR dan buku kerja yang diperoleh di pasaran. Guru-guru juga lebih mementingkan tugas menghabiskan sukanan pelajaran tahunan dengan tidak mengambil kira tahap penguasaan murid yang sebenar.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kebolehan membaca merupakan kebolehan yang perlu dipelajari, bukannya boleh didapati secara semula jadi dan kebolehan membaca merupakan satu aspek kemahiran yang penting dalam usaha memahami ilmu pengetahuan serta dapat mengurangkan tahap kebergantungannya pada orang lain. Kebolehan membaca dalam bahasa Melayu khususnya pada peringkat bahan bacaan asas, menjadi satu kemahiran yang paling penting dalam keseluruhan kurikulum sekolah.

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti amalan psikolinguistik dalam memberikan kefahaman kepada murid-murid Tahun 1 di sekolah rendah terhadap bahan bacaan asas pada peringkat sintaksis yang dibaca oleh mereka. Sehubungan dengan ini, hasil kajian yang diperoleh nanti dapat digunakan untuk tujuan yang berikut:

1. Meningkatkan penguasaan kemahiran bacaan asas murid-murid Tahun 1 pada peringkat sintaksis.
2. Menyediakan teknik pembelajaran (penguasaan) yang lebih berkesan dan dapat memenuhi kehendak dan keperluan kanak-kanak pada peringkat Tahun 1.
3. Menjadi panduan kepada murid-murid Tahun 1 untuk meningkatkan kefahaman bacaan mereka dengan lebih berkesan.
4. Menyediakan peta kognitif kepada murid-murid untuk menguasai atau memahami bahan bacaan.

Kajian ini juga menganalisis tahap pemerolehan dan penguasaan murid-murid Tahun 1 dalam usaha menguasai bahan-bahan bacaan asas pada peringkat sintaksis dalam bahasa Melayu; amalan psikolinguistik yang menyumbang kepada pemerolehan dan penguasaan bahan bacaan asas tersebut; tahap penguasaan atau kebolehan membaca murid-murid Tahun 1 dan untuk mengetahui kebolehan murid-murid Tahun 1 memahami apa yang dibacanya.

Reka Bentuk Kajian

Penyelidik menggunakan kerangka teori berasaskan Teori Behaviorisme Bertujuan (*Purposive Behaviourisme*). Teori tersebut diasaskan oleh Edward Chace Tolman (1886–1959). Teori ini ialah teori pembelajaran psikolinguistik yang tergolong ke dalam keluarga teori kognitif (Simanjuntak, 1987: 84).

Istilah, “bertujuan” cuba menjelaskan matlamat perilaku yang mempunyai arah. Misalnya seekor tikus yang sedang lapar akan berterusan mencari makanan sehingga makanan diperoleh. Perilaku tikus itu seolah-olah diarah oleh satu matlamat (Tolman, 1932: 418).

Di samping menumpukan perhatian kepada perilaku yang berarah, teori ini juga memasukkan konsep kognisi ke dalam sistemnya. Menurut Tolman apa yang dipelajari ialah, “*the lay of the land*”. Kenyataan tersebut bermaksud organisma memperoleh pengetahuan sebagai hasil daripada pendedahan dan perhatian kepada peristiwa-peristiwa persekitaran (Bower dan Hilgard, 1983: 327). Organisma tersebut akhirnya membentuk satu peta kognitif pembelajaran tentang pengetahuan persekitaran yang boleh digunakan. Jangkaan digunakan oleh organisma untuk membentuk peta kognitif itu. Jangkaan ini dipilih melalui proses cuba-jaya. Daripada proses cuba-jaya organisma membuat inferensi tentang alternatif yang terbaik untuknya. Jangkaan yang telah disahkan melalui proses pembelajaran cuba-jaya akan disimpan dalam kognisi. Tolman menamai jangkaan ini, atau kepercayaan. Hal ini bermaksud bahawa organisma percaya sesuatu rangsangan tertentu akan menerbitkan gerak balas tertentu. Melalui proses ini peta kognitif terbentuk. Peta kognitif membantu organisma mencapai matlamat tertentu.

Tolman juga melihat perilaku secara keseluruhan. Perilaku tidak dilihat dari sudut yang kecil. Setiap komponen perilaku dipandang sebagai bahagian daripada gambaran perilaku yang lebih besar yang mempunyai satu tujuan tertentu (Mangantar Simanjuntak, 1987: 85).

Secara ringkas, unsur-unsur yang mustahak dalam teori Behaviorisme Bertujuan ialah tujuan, konsep kognisi dan perilaku Molar. Perilaku Molar didorong oleh rangsangan dan gerak balas. Oleh itu teori ini juga digambarkan sebagai S – O – R, (Stimulus-Organisma-Response). O melambangkan peranan kognisi yang menengahi S dan R. Yang dimaksudkan dengan kognisi ialah proses mental untuk memperoleh, menyimpan, mendapatkan semula dan mengubah pengetahuan (Mangantar Simanjuntak, 1987: 86).

Hergenhahn (1989: 305–308), menggariskan empat jenis pembelajaran teori Behaviourisme Bertujuan, iaitu diskriminasi desakan, pembelajaran terpendam, jangkaan bidang dan mod bidang yang menjadi dasar kajian ini.

Diskriminasi Desakan

Pembelajaran ini merujuk keupayaan organisma menyesuaikan sesuatu desakannya dengan gerak balas yang teratur. Desakan disebabkan oleh faktor sosial atau psikologi. Jika organisma tersebut gagal berbuat demikian, bermakna dia masih tidak cekap merencanakan peta kognitifnya. Hal ini mengakibatkan perilaku yang tidak kongruen. Apabila perilaku tidak kongruen, maka matlamat yang hendak dicapai menjadi kurang jelas.

Pembelajaran Terpendam

Pembelajaran Terpendam ialah pembelajaran yang tidak dipindahkan dengan semerta kepada bentuk kecekapan. Pembelajaran dipendam dalam kognisi. Pembelajaran dimanifestasikan ke dalam bentuk perilaku hanya apabila diperlukan.


Jangkaan Bidang

Jangkaan Bidang terbentuk dengan cara yang sama seperti peta kognitif. Organisma belajar tentang apa yang membawa kepada apa. Misalnya, apabila melihat sesuatu lambang dia menjangkakan lambang itu akan menerbitkan gerak balas tertentu. Pengetahuan am ini digunakan bagi menjelaskan pembelajaran terpendam. Jangkaan ini kerap disebut S – S (Sign – Sign) atau pembelajaran dari lambang ke lambang.

Mod Bidang Kognisi

Mod Bidang Kognisi ialah strategi, cara atau pendekatan yang digunakan dalam sesuatu situasi penyelesaian masalah. Mod ini merupakan kecenderungan organisma menyusun bidang persepsi menurut konfigurasi tertentu. Tolman berpendapat kecenderungan ini diwarisi secara nurani. Meskipun begitu, kecenderungan ini boleh juga diubah suai atau dipelajari melalui pengalaman. Menurut Tolman lagi, strategi, cara atau pendekatan penyelesaian masalah akan bertambah jika organisma berpeluang mencubanya dalam situasi yang serupa pada masa akan datang. Dengan itu, mod bidang kognisi dapat dipindahkan kepada masalah yang berkaitan. Jenis pembelajaran ini bersesuaian dengan semua jenis persekitaran. Sama ada diwarisi atau dipelajari, mod tersebut ada dalam kognisi organisma. Mod tersebut akan digunakan apabila organisma itu berada dalam bidang yang baharu (Tolman, 1949: 153).


Unsur utama dan jenis pembelajaran Teori Behaviourisme Bertujuan disimpulkan dalam Rajah 3.



Rajah 3 Kerangka teori kajian berdasarkan Teori Behaviourisme Bertujuan.

Sumber: Dipadankan daripada Tolman (1949: 146)

Kerangka Konsepsi kajian ini dibina berpandukan tiga unsur utama dan empat jenis pembelajaran yang terkandung dalam teori Behaviourisme Bertujuan. Tiga unsur utama teori tersebut dikaitkan dengan pemboleh ubah bebas kajian ini. Empat jenis pembelajaran dalam teori tersebut pula dikaitkan dengan pemboleh ubah bersandar (Lihat Rajah 4).



Rajah 4 Kerangka konsepsi kajian berdasarkan Teori Behaviourisme Bertujuan.

Sumber: Diubah suai daripada Tolman (1949: 146).

Keterangan

- | | | |
|----|---|-------------------------|
| PV | = | Pemboleh ubah Peramal |
| IV | = | Pemboleh ubah Bebas |
| DV | = | Pemboleh ubah Bersandar |

Kaitan Unsur Utama Teori Behaviourisme Bertujuan dengan Subjek Kajian

Yang berikut dijelaskan kaitan tiga unsur utama teori Behaviourisme Ber-tujuan dengan subjek kajian. Tiga unsur utama itu ialah Tujuan, Perilaku Molar, dan Konsep Kognisi.

Tujuan

Murid-murid Tahun 1 mempelajari bahasa Melayu sebagai asas ke arah penguasaan yang lebih mantap sebelum menguasai kemahiran yang ter-kandung dalam sukanan pelajaran Bahasa Melayu Tahun 1. Penguasaan bahasa Melayu standard berlaku apabila murid-murid tersebut mempelaja-ri proses pembentukan kata dan proses pembentukan ayat (morphologi dan sintaksis) dengan betul. Oleh sebab itu, bahasa Melayu (bahasa pertama) mengalami masalah dankekangan akibat daripada ketidakupayaan pela-jar tersebut memahami dan menguasai asas bacaan dalam bahasa Melayu. Penguasaan bahasa pertama bukan bertujuan untuk berkomunikasi dengan betul dan berkesan sahaja, malah arah matlamat penguasaannya itu lebih bersifat instrumental.

Perilaku Molar

Perilaku murid-murid Tahun 1 mempelajari bahasa Melayu dilihat secara pemeringkatan daripada mudah kepada aras yang lebih sukar (susah) dan daripada konkrit kepada abstrak. Perilaku mereka merangkumi pembela-jaran Bahasa Melayu dalam konteks formal dan tidak formal. Pengetahuan bahasa Melayu yang terkumpul daripada dua konteks itu menggambarkan keseluruhan hasil pembelajaran bahasa Melayu murid-murid Tahun 1.

Konsep Kognisi

Melalui pembelajaran cuba-jaya, murid-murid Tahun 1 dapat membuat jangkaan tentang bahasa Melayu. Jangkaan berupa korpus dan rumus-rumus bahasa Melayu yang dianggap betul dikumpul dalam kognisi. Lama-kelamaan jangkaan ini membentuk peta kognitif tentang pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu. Peta kognitif tersebut digunakan untuk membantu mereka membaca bahan-bahan bacaan asas bahasa Melayu yang disediakan dalam modul Asas Membaca. Bagaimanapun, terdapat unsur-unsur linguistik dialek daerah akan muncul tanpa disedari apabila murid membaca bahan bacaan asas yang disediakan. Hal ini terjadi dalam per-

tuturan (penyebutan) (Slusher, 1974: 31). Gejala ini mengganggu murid apabila membaca kosa kata yang biasa dengan sebutan dialek daerahnya (dialek Melayu Kelantan). Terdapat juga murid yang mereka cerita atau ayat berdasarkan gambar yang dilihat oleh mereka, tanpa membaca dan menyebut kosa kata dan ayat yang disediakan apabila mereka menghadapi kebuntuan. Mereka juga didapati melakukan penambahan atau mengulang kosa kata yang tidak terdapat dalam ayat. Keadaan seperti ini berlaku dengan meluas pada segenap peringkat bahasa, sama ada pada peringkat fonologi, morfologi atau sintaksis.

Kaitan Jenis Pembelajaran Teori Behaviourisme Bertujuan dengan Subjek Kajian

Jenis-jenis pembelajaran teori Behaviourisme Bertujuan yang berkaitan dengan subjek kajian ialah Diskriminasi Desakan, Pembelajaran Terpendam, Jangkaan Bidang dan Mod Bidang Kognisi.

Diskriminasi Desakan

Diskriminasi Desakan dalam kajian ini dikaitkan dengan aspek bacaan bersuara. Terdahulu, Selinker (1974: 31) telah mengatakan bahawa gejala-gejala bahasa ibunda (dialek) boleh mempengaruhi pembelajaran bahasa pertama pelajar naif, hal yang sama berlaku kepada murid-murid Tahun 1 yang terlibat dalam kajian ini. Hal ini terjadi apabila murid-murid Tahun 1 tidak cekap merencanakan peta kognitifnya. Akibat daripada ketidak-cekapan itu, gerak balas yang dihasilkan oleh murid-murid Tahun 1 tidak menepati kehendak pembelajaran bahasa Melayu. Mereka juga tidak dapat membatang suku kata bagi menghasilkan perkataan yang bermakna. Hasil gerak balas murid-murid Tahun 1 mungkin menampakkan ciri-ciri penyimpangan dari aspek ejaan dan pembacaan bahasa Melayu.

Pembelajaran Terpendam

Pembelajaran Terpendam dihubungkan dengan penggunaan bahasa sehari-hari, sikap dan pendedahan bahasa murid-murid Tahun 1. Fungsi bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Tahun 1 lebih bersifat instrumental, yakni bahasa Melayu hanya digunakan dalam situasi-situasi jika bahasa itu diperlukan. Penguasaan bahasa Melayu yang terpendam itu tidak akan bertambah jika jarang dipindahkan ke dalam bentuk kecekapan.

Jangkaan Bidang

Jangkaan bidang dikaitkan dengan penggunaan bahasa seharian, sikap dan pendedahan bahasa murid-murid Tahun 1. Jika guru menggunakan bahasa Melayu standard, murid juga akan menggunakan bahasa Melayu standard. Jika ibu bapa bersikap dialektik terhadap bahasa Melayu, pelajar bertindak dengan gerak balas yang sama. Jika pendedahan bahasa Melayu murid itu terhad, maka pengetahuannya tentang bahasa itu juga menjadi terhad.

Mod Bidang Kognisi

Mod Bidang kognisi dikaitkan dengan boleh ubah, kaedah, teknik atau strategi. Sebagai pelajar bahasa pertama, murid-murid Tahun 1 mempunyai kecenderungan tersendiri menyusun strategi atau teknik yang terbaik untuk membaca modul bacaan asas yang disediakan oleh penyelidik. Mod tersebut diperoleh melalui pengalaman lepasnya (terutama pada peringkat tadika atau prasekolah) semasa mempelajari bahasa Melayu.

Populasi dan Persampelan

Dalam kajian penyelidikan ini, semua guru yang mengajar Tahun 1 dibekalkan dengan soalan soal selidik yang dibina khusus untuk mereka. Tujuan soalan tinjauan di lakukan untuk melihat tahap pemahaman guru terhadap disiplin ilmu psikolinguistik dan kaedah yang digunakan semasa mereka mengajar bahasa Melayu di kelas masing-masing. Populasi kajian ialah murid-murid yang belajar dalam Tahun 1 di SK. Morak dalam daerah Tumpat. Kelas-kelas Tahun 1 terdiri daripada kelas 1 Cemerlang, 1 Bistari dan 1 Dinamik. Kelas tersebut mempunyai jumlah 136 orang murid. Secara rawak 16 hingga 17 orang murid daripada setiap kelas telah dipilih dan diambil serta dijadikan subjek kajian. Masing-masing 1 Cemerlang sebanyak 17 orang, 1 Bistari sebanyak 17 orang dan 1 Dinamik sebanyak 16 orang. Kesemua subjek kajian berjumlah 50 orang. Murid-murid ini dipilih melalui proses Ujian Diagnostik yang dijalankan oleh penyelidik. Berdasarkan pencapaian Ujian Diagnostik, subjek kajian dibahagikan kepada 3 tahap kebolehan, iaitu, cerdas, sederhana dan lembam.

Beberapa kriteria penting dalam pemilihan populasi ini dijelaskan seperti yang berikut:

1. Kanak-kanak yang normal.
2. Mempunyai kebolehan berbahasa.

3. Bersekolah di dalam Tahun 1 di sekolah rendah (Sekolah Kebangsaan) bantuan kerajaan.
4. Lelaki dan perempuan berumur dalam lingkungan 7 tahun.
5. Murid-murid yang dipilih seramai 16 hingga 17 orang bagi setiap kelas.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid-murid berbangsa Melayu kesemua-nya. Murid-murid tersebut berada dalam lingkungan umur tujuh tahun. Pemilihan murid-murid Tahun 1 ini bersesuaian dengan kajian pemerolehan dan penguasaan bahasa, kerana pada tahap ini murid-murid telah mengalami proses pemerolehan bahasa yang lengkap (Mangantar Simanjuntak, 1988:164). Dalam pemilihan subjek, penyelidik menjalankan ujian diagnostik ke atas populasi murid Tahun 1 bagi memilih subjek kajian, di samping itu penyelidik mendapat bantuan daripada guru-guru yang mengajar Tahun 1 untuk mengenal pasti murid-murid yang menepati kriteria penyelidikan ini.

Jadual 3 Profil subjek kajian.

Kumpulan	Bilangan	Markah Penilaian Ujian Diagnostik	Bilangan	%
Cerdas	18	A 80 – 100	18	36
Sederhana	16	B 60 – 79	10	20
		C 40 – 59	6	12
Lembam	16	D 20 – 39	9	18
		E 00 – 19	7	14

Sebanyak 36.8% bersamaan dengan 50 orang murid daripada keseluruhan murid Tahun 1 (sesi 2003) di SK Morak, Tumpat, Kelantan yang berjumlah 136 orang, telah dijadikan subjek kajian. Hanya murid-murid yang berada dalam Tahun 1 sahaja yang terlibat dalam kajian ini. Murid-murid ini dipilih secara rawak berlapis setelah mereka menjalani ujian diagnostik yang dibina khas oleh penyelidik.

KAEDAH KAJIAN

Kajian yang dijalankan berdasar kaedah eksperimen, iaitu kaedah pemerhatian terkawal, temu bual secara berstruktur dan tidak berstruktur, tinjauan dan rekod pencapaian murid.

Kaedah Eksperimen

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini berdasarkan kaedah eksperimen. Penyelidik memanipulasikan dua pemboleh ubah. Penyelidik memilih sebanyak 50 subjek kajian melalui saringan Ujian Diagnostik. 50 subjek kajian tersebut dipecahkan kepada tiga peringkat, iaitu kumpulan cerdas (18 orang – 36%), sederhana (16 orang – 32%) dan lembam (16 orang – 32%).

Subjek kajian akan diuji untuk kali yang pertama sebelum proses P&P didedahkan. Kemudian subjek kajian akan diajarkan setiap pelajaran yang terkandung dalam modul sebanyak dua kali berturut-turut. Langkah seterusnya ialah menguji kembali subjek kajian untuk ujian kali yang kedua. Akhir sekali, setelah dua set markat telah diperoleh, kedua-dua set markat tersebut akan dikorelasikan menggunakan formula analisis pekali Pearson untuk melihat keteguhan hubungan antara dua pemboleh ubah tersebut.

Kaedah Pemerhatian

Dalam kajian ini juga, penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian terkawal. Sewaktu menggunakan kaedah pemerhatian terkawal, pengumpulan data berdasarkan soalan yang diuji dikawal secara langsung oleh penyelidik.

Penyelidik turun ke lapangan untuk membuat kajian rintis atau pemerhatian awal ke atas tempat kajian rintis di Sekolah Kebangsaan Kok Keli, Tumpat, Kelantan. Setelah penyelidik mendapat kelulusan daripada pentadbir sekolah, kerja-kerja penyelidikan pun mula dijalankan. Penyelidik telah membuat pemerhatian awal di tempat kajian. Pada peringkat awal, penyelidik cuba bersama-sama dengan guru-guru kelas masing-masing untuk mendekati murid-murid tersebut. Oleh sebab kesemua murid-murid tersebut telah menerima pendedahan suasana alam persekolahan di peringkat tadika dan prasekolah, maka komunikasi antara sesama mereka berjalan dengan baik. Namun demikian masih lagi terdapat murid-murid yang bersifat pemalu, tidak mempunyai keyakinan diri dan berasa takut untuk berbual dengan penyelidik. Walau bagaimanapun, akhirnya murid-murid tersebut mula berasa mesra setelah penyelidik melakukan beberapa siri pertemuan dengan mereka. Seterusnya, penyelidik telah mengadakan ujian diagnostik bagi mengenal pasti subjek kajian. Kemudian, diikuti dengan pertemuan khas bersama ibu bapa atau penjaga murid-murid yang telah diambil sebagai subjek kajian.

Untuk melihat pelaksanaan pengajaran menggunakan bahan yang di-

bina, penyelidik telah berada di lokasi dan persekitaran khas untuk mengajar tahap kemahiran yang dibina dalam modul. Masalah mendapatkan kelas khas timbul kerana kekangan yang terpaksa dihadapi oleh penyelidik memandangkan sekolah tersebut sedang menjalankan kerja-kerja pembinaan untuk menambahkan beberapa blok bangunan baru.

Oleh hal yang demikian, penyelidik telah diberi kebenaran menggunakan satu ruang khas di bawah pokok yang dihiasi tanaman pokok bunga dan dilengkapi dengan beberapa set kerusi batu. Namun begitu, penyelidik mendapati suasana pembelajaran di luar bilik darjah telah memberikan satu suasana yang memberangsangkan kepada murid-murid semasa mereka menjalani proses pembelajaran, sekali gus menghasilkan satu penemuan yang tidak diduga bahawa suasana pembelajaran di luar bilik darjah boleh memberikan satu kelainan kepada murid-murid tersebut. Melalui pemerhatian, penyelidik dapat melihat keadaan sebenar dan perkembangan atau peningkatan penguasaan atas bacaan dalam kalangan murid tersebut.

Pemerhatian yang dibuat meliputi:

- Aktiviti pengajaran-pembelajaran di luar bilik darjah.
- Kekuatan bahan rangsangan yang dibina untuk membantu penguasaan kemahiran yang diajar.
- Respons murid-murid melalui ujian bacaan ke atas bahan modul yang dibina.
- Masalah memahami dan menguasai kemahiran yang telah diajar.

Tinjauan

Tinjauan telah diedarkan kepada guru yang terlibat pada awal tempoh kajian dimulakan. Soalan soal selidik secara khusus diedarkan kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di SK Kok Keli dan SK Morak. Dapatkan maklum balas daripada soalan tersebut diklasifikasi kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu secara am dan guru-guru yang mengajar pada peringkat Tahun 1 secara khusus. Tujuan soal selidik dilakukan adalah untuk memastikan sejauh manakah pemahaman guru-guru terhadap disiplin ilmu psikolinguistik dan kaedah yang digunakan semasa proses P&P.

Temu Bual

Temu bual telah dijalankan dengan kesemua responden yang terlibat dengan kajian ini. Temu bual ini penting untuk mendapatkan:

- Pengesahan tentang perkara yang diperhatikan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.
- Penjelasan lanjut tentang maklumat yang tidak diperoleh daripada instrumen kajian yang lain.

Maklumat daripada temu bual ini dapat membantu mengukuhkan dapatan dan pemerhatian, soal selidik dan rekod pencapaian murid.

Rekod Pencapaian Murid

Rekod ini mengandungi data-data tentang pencapaian subjek kajian hasil daripada pengujian yang dijalankan. Rekod tersebut juga mencatatkan pencapaian yang dikuasai oleh murid-murid pada setiap peringkat dan aspek pengujian. Rekod ini penting kerana penyelidik dapat menggunakaninya untuk melihat tahap pencapaian yang dikuasai oleh murid-murid. Penyelidik dengan cepat dapat mengetahui kebolehan dan kelemahan (tahap penguasaan) subjek kajian tersebut. Data yang dikumpulkan melalui keempat-empat cara di atas akan dianalisis untuk menentukan tahap penguasaan bacaan asas murid-murid Tahun 1, dan mengetahui faktor-faktor kelemahan murid-murid dalam penguasaan bahan bacaan asas dan seterusnya mencari jalan penyelesaiannya bagaimana mengatasi masalah-masalah tersebut.

Pendekatan Kajian

Kajian dijalankan dengan merekodkan bacaan subjek kajian secara individu, berdasarkan modul yang dibina khas oleh penyelidik. Subjek kajian diuji untuk kali yang pertama, kemudian mereka diajar terlebih dahulu tentang kemahiran yang hendak diuji untuk kali yang kedua. Akhirnya, selepas menjalani proses P&P barulah mereka diuji untuk kali yang kedua, iaitu setelah diajar sebanyak dua kali bagi setiap kemahiran.

Pemboleh Ubah Kajian

Dalam kajian ini penyelidik melihat perkaitan antara dua jenis pemboleh ubah yang digunakan, iaitu pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Hal ini demikian kerana pemboleh ubah bebas dikatakan sebagai pemboleh ubah yang menyebabkan berlakunya pemboleh ubah bersandar.

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan empat pemboleh ubah, ia-

itu amalan psikolinguistik, proses pemahaman, bahan bacaan asas Bahasa Melayu dan murid-murid Tahun 1.

Pemboleh ubah bebas merupakan pemboleh ubah yang sudah wujud sebelum berlakunya sesuatu fenomena. Amalan psikolinguistik merupakan pemboleh ubah bebas, kerana kewujudannya telah tersedia ada (dinurani-kan) dalam minda seseorang murid. Kemudian, penyelidik memerhatikan bagaimana amalan psikolinguistik dalam kalangan kanak-kanak tersebut mempengaruhi pemahaman mereka terhadap bahan bacaan asas yang dibina oleh penyelidik.

Pemahaman atau penguasaan bahasa dalam kalangan murid merupakan pemboleh ubah bebas, hal ini demikian kerana pemahaman hasil daripada perubahan tingkah laku tidak dapat diukur dan dilihat dengan jelas. Dalam hal ini, murid-murid hendaklah menguasai bahagian bacaan asas melalui bahan modul, iaitu bermula daripada sebutan huruf sehingga kepada pembinaan ayat mudah. Dalam ujian yang dibina melalui modul Asas Membaca, kanak-kanak akan diuji tentang sebutan huruf yang betul; mendiskriminasikan huruf berdasarkan bentuk huruf dan persamaan antara huruf kecil dengan huruf besar; membaca dan memahami suku kata terbuka dan tertutup; membaca dan memahami perkataan sehingga kepada pembentukan ayat mudah dengan menggunakan perkataan yang diajar, dan memahami cerita berdasarkan tema hasil daripada gabungan ayat yang dibaca.

Bahan bacaan asas Bahasa Melayu merupakan pemboleh ubah bersandar, kerana bahan bacaan tersebut mengandungi sukatan pembelajaran yang telah dikelaskan mengikut tahap-tahap kemahiran yang tertentu. Penguasaannya melalui perubahan tingkah laku murid dapat diukur secara kuantitatif. Pemeringkatannya merangkumi peringkat fonologi, morfologi dan sintaksis.

Murid-murid Tahun 1 pula merupakan pemboleh ubah bebas, iaitu murid-murid yang menerima pendidikan formal pada peringkat Tahun 1. Mereka berumur dalam lingkungan enam hingga tujuh tahun. Penyelidik akan melihat tahap penguasaan bahasa Melayu murid tersebut yang berada pada peringkat transisi. Dalam kajian ini murid-murid tersebut akan bertindak sebagai pemaklum.

ALAT KAJIAN

Soal Selidik

Soalan soal selidik secara berstruktur telah dibina oleh penyelidik. Item soal selidik terbahagi kepada empat bahagian, iaitu :

Bahagian (A) : Latar belakang guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu.

Bahagian (B) : Pendekatan yang digunakan oleh guru Tahun 1.

Bahagian (C) : Bahan.

Bahagian (D) : Pembelajaran murid.

Modul Asas Membaca

Modul Asas Membaca dijadikan sebagai item soalan yang dibina oleh penyelidik, iaitu berdasarkan penyesuaian daripada kandungan buku teks murid-murid Tahun 1 yang digubal daripada sukanan mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 1. Pembahagiannya dibuat secara berperingkat-peringkat melalui bahagian seperti di Lampiran 2.

Item modul Asas Membaca mengandungi bahagian prabacaan yang berjumlah lima halaman dan ditambah dengan 25 halaman untuk Pelajaran 1 hingga Pelajaran 25, yang kesemuanya berjumlah 30 halaman. Semua bahagian yang hendak diuji telah dijadikan alat bantu mengajar, yang berupa kad imbasan (kad suku kata, kad perkataan dan kad ayat) dan dipindahkan kepada komputer untuk dipaparkan dengan alat tayang (LCD). Alat Bantu mengajar dan kad-kad serta paparan hablur cecair (LCD) dipamerkan kepada murid-murid yang bertindak sebagai pemaklum dalam kajian ini.

Gambar yang dijadikan bahan rangsangan dalam kajian ini dilekatkan terlebih dahulu pada sekeping kad secara berasingan. Kad-kad bacaan dan kad-kad gambar mengandungi kesemua bahagian yang hendak diuji. Kad-kad imbasan, juga dibekalkan kepada subjek kajian. LCD digunakan sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM). Semua bahan yang dijadikan kad-kad imbasan diajar kembali untuk kali yang kedua (latih tubi bacaan) dengan berbantuan paparan LCD. Semasa proses P&P dijalankan, penyelidik memastikan bahawa proses tersebut melibatkan semua subjek kajian.

Proses P&P Berasaskan Modul

Proses P&P berasaskan Modul telah dimulakan oleh penyelidik dari satu peringkat ke satu peringkat. Pada peringkat yang pertama subjek kajian diajar dan didedahkan dengan bahan-bahan atau item-item yang dibina oleh penyelidik. Proses yang sama kemudiannya diikuti dan diajarkan kepada subjek kajian secara berulang sebanyak dua kali berturut-turut. Tujuannya

adalah untuk memantapkan ingatan subjek kajian terhadap bahan yang diajarkan, sebelum subjek kajian tersebut diuji untuk kali yang kedua.

Pengendalian Kaedah Asas Membaca

Sesuatu kaedah yang hendak dilaksanakan perlulah dikendalikan dengan urutan langkah yang sesuai dan bermakna. Dalam usaha untuk mengajar-kan bacaan asas kepada murid-murid Tahun 1, langkah-langkah pengaja-ran yang berikut digunakan:

1. Kemukakan tajuk atau tema pelajaran pada hari berkenaan.
2. Berbincang dengan murid-murid tentang tajuk tersebut. Berikan penekanan kepada perkataan-perkataan yang hendak diajarkan.
3. Ulang pelajaran yang telah dipelajari dengan menunjukkan kad-kad huruf dan kad-kad suku kata yang berkenaan. Minta murid-murid me-nyebut bunyi huruf dan membatang atau membunyikan suku kata dan perkataan yang terbina daripada cantuman kad-kad suku kata.
4. Perkukuhkan beberapa suku kata yang pernah dipelajari sebelumnya. Minta murid-murid mencantumkan kad-kad yang berkaitan supaya menjadi perkataan yang bermakna.
5. Perkenalkan suku kata baharu dan minta murid membatang dan mem-bunyikan suku kata tersebut mengikut sebutan guru. Buat latih tubi bacaan untuk membiasakan murid dengan bunyi suku kata tersebut.
6. Minta murid mencantumkan kad-kad suku kata tersebut supaya men-jadi perkataan yang bermakna.
7. Minta murid membaca bahan bacaan yang mengandungi suku kata-suku kata yang baru dipelajari.
8. Kenal pasti murid yang dapat membaca dan tidak dapat membaca suku kata, perkataan dan ayat dalam bahan bacaan pada pelajaran berke-naan dengan menggunakan rekod senarai semak yang disediakan.
9. Murid yang dapat menguasai kemahiran membaca dalam pelajaran berkenaan diarahkan supaya memberi bimbingan kepada rakan se-baya yang tidak dapat menguasainya. Pada masa yang sama, murid tersebut diberikan pemulihan semesta.
10. Pada masa yang sesuai, adakan aktiviti permainan bahasa dan aktiviti pengayaan. Misalnya, mengadakan pertandingan bermain dengan cara

mencantumkan kad suku kata yang disediakan supaya menjadi seberapa banyak perkataan yang mampu dibinanya.

TATACARA KAJIAN

Dalam hal ini, penyelidik melakukan dua kajian secara berurutan. Kajian rintis dilakukan untuk melihat masalah yang dihadapi oleh murid-murid terhadap penguasaan bahan asas bacaan dalam bahasa Melayu, di samping mengenal pasti masalah dan kelemahan yang akan dihadapi oleh penyelidik semasa pengkajian sebenar dijalankan nanti. Kemudian diikuti oleh kajian sebenar yang bertujuan melihat kekuatan modul dan mendapatkan penganalisisan data untuk mencapai objektif kajian.

Kajian Rintis

Penyelidik turun ke lapangan untuk menjalankan kajian rintis. Kajian rintis perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk melihat kekuatan dan kelemahan terhadap item kajian yang telah dibina oleh penyelidik. Sekiranya terdapat kelemahan pada bahan atau item soalan yang dibina penyelidik akan memurnikannya dalam kajian sebenar.

Penyelidik menetapkan bahawa modul yang dibina mestilah diuji sebanyak dua kali, prosedur ini perlu untuk memastikan bahawa bahan modul yang dibina oleh penyelidik mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Kaedah uji dan uji kembali dilakukan oleh penyelidik untuk mendapatkan dua set markat dengan mentadbir alat ukur yang sama ke atas subjek yang sama sebanyak dua kali, tujuannya untuk mendapatkan kesahan sebagaimana yang diharapkan.

Kajian Sebenar

Kajian sebenar dijalankan pada bulan Mac hingga Ogos, 2003. Tatacara kajian adalah seperti yang berikut:

i. Mengenal pasti kawasan kajian

Hanya sebuah sekolah rendah bantuan kerajaan yang terlibat dengan kajian ini. Sekolah tersebut ialah SK Morak. Kajian ke atas sekolah tersebut dijalankan berdasarkan lokasinya yang terletak dalam zon luar bandar dengan status sosioekonomi penduduknya rata-rata terlibat dengan pertanian. Sebelum itu kajian dijalankan ke atas SK Kok Keli terlebih dahulu

sebagai lokasi kajian rintis yang dijalankan oleh penyelidik.

ii. Mengenal pasti kumpulan sasaran

Pada hari yang pertama penyelidik mengenal pasti subjek kajian dengan mengkategorikan mereka kepada tiga kumpulan, iaitu kumpulan cerdas, kumpulan sederhana dan kumpulan lembam. Murid yang mendapat 80% hingga 100% (Pangkat A) pencapaiannya dalam ujian diagnostik akan dikategorikan ke dalam kumpulan cerdas. Murid yang mendapat 60% hingga 79% (Pangkat B) dan 50% hingga 59% (Pangkat C) dikategorikan ke dalam kumpulan sederhana. Manakala murid yang mendapat 20% hingga 49% (Pangkat D) dan 0% hingga 19% (Pangkat E) dikategorikan ke dalam kumpulan lembam.

iii. Pengendalian uji dan uji semula

Pada sesi ujian kali yang pertama, subjek kajian akan diuji berasaskan item-item yang terkandung dalam modul Asas Membaca. Modul tersebut dibina oleh penyelidik. Ujian dijalankan mengikut pembahagian peringkat tertentu yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Ujian ini dikendalikan oleh penyelidik setelah satu proses penyelarasaran ruang, tempat dan masa dibuat dan dipersetujui oleh pihak sekolah. Ujian bacaan yang dijalankan merangkumi semua item yang terkandung dalam modul dan melibatkan semua subjek kajian.

Kemudian subjek kajian akan didedahkan dengan proses P&P. Dalam sesi tersebut, subjek kajian akan diajarkan dengan kemahiran-kemahiran yang telah diperangkatkan oleh penyelidik, iaitu peringkat prabacaan, peringkat pelajaran 1 hingga pelajaran 5, peringkat pelajaran 6 hingga pelajaran 10, peringkat pelajaran 11 hingga pelajaran 15, peringkat pelajaran 16 hingga pelajaran 20 dan peringkat pelajaran 21 hingga pelajaran 25. Hal ini demikian kerana penyelidik berasa terlalu banyak item yang perlu dikuasai oleh subjek kajian. Setelah melalui proses P & P sebanyak dua kali bagi setiap kemahiran dalam modul, subjek kajian diuji untuk kali yang kedua. Data-data tersebut diambil dan direkodkan daripada bacaan yang diuji ke atas subjek kajian untuk dikorelasikan (hanya untuk kajian sebenar).

iv. Pengedaran kertas soal selidik

Kertas soal selidik diedarkan kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu termasuk guru-guru yang mengajar mata pelajaran tersebut pada peringkat Tahun 1 pada hari pertama penyelidik berada di

sekolah, sebelum sesi ujian bacaan kali yang pertama dijalankan ke atas subjek kajian.

Rasional Penganalisisan Data

Setiap kaedah yang digunakan untuk menganalisis data penyelidikan perlu rasional. Kaedah *Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS)* digunakan untuk menganalisis kekerapan bagi setiap item yang diuji ke atas subjek kajian. Data-data *kekerapan* di antara uji dan uji kembali kemudiannya dikorelasikan dengan menggunakan kajian Korelasi Pekali Pearson.

Bagi ujian untuk melihat penguasaan asas bacaan, keseluruhan item yang terkandung dalam modul Asas Membaca akan dianalisis, iaitu melibatkan peringkat morfologi dan sintaksis.

Kajian korelasi dijalankan dengan tujuan untuk mengukur kekuatan hubungan yang berlaku di antara dua pemboleh ubah. Kajian korelasi juga digunakan untuk menentukan sejauh manakah kaitan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah. Hal ini membolehkan penyelidik menentukan variasi yang berlaku pada satu pemboleh ubah dan hubungannya dengan variasi yang berlaku pada satu pemboleh ubah yang lain.

Untuk membolehkan penyelidik menghasilkan ringkasan data yang jelas, beberapa langkah telah diikuti.

Langkah pertama ialah mengenal pasti pemboleh ubah-pemboleh ubah yang akan dikaji. Pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut ialah amalan psikolinguistik, proses pemahaman, bahan bacaan asas Bahasa Melayu dan murid-murid Tahun 1.

Langkah kedua ialah menyusun data. Data ujian bacaan asas disusun mengikut pemeringkatan bahan yang terkandung dalam modul Asas Membara. Pada peringkat awal data dicatat di dalam borang khas. Kemudian susunan data diringkaskan dan dipermudah untuk dicapai kembali sekiranya perlu. Jadual Taburan Frekuensi digunakan untuk menyusun data.

Penyelidik menggunakan Kaedah *SPSS* untuk menganalisis kekerapan bagi setiap item yang diuji ke atas subjek kajian. Data-data *kekerapan* di antara uji dan uji kembali kemudiannya dikorelasikan dengan menggunakan kajian Korelasi Pekali Pearson. Tujuannya untuk menentukan keteguhan hubungan antara markat uji dan uji kembali. Oleh sebab markat uji dan uji kembali diukur dengan skala sela, maka penyelidik menggunakan Nilai Kritikal Pekali Pearson untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah. Sebagai indeks, nilai pekali korelasi Pearson mempunyai nilai seperti dalam Jadual 4 seterusnya:

Jadual 4 Tafsiran Nilai Pekali *r* mengikut Guilford (1989).

Nilai pekali <i>r</i>	Tafsiran
di bawah .20	Kecil; hampir-hampir tiada hubungan
di antara .20 - .40	Korelasi rendah; hubungan yang pasti tetapi kecil
di antara .41 - .70	Korelasi sederhana; hubungan yang teguh
di antara .71 - .90	Korelasi tinggi; hubungan yang ketara
di antara .91 - 1.00	Korelasi yang sangat tinggi; hubungan yang boleh dipercayai.

Secara menyeluruh, data kajian ini dianalisis melalui dua cara. Penyusunan data-data mentah kepada kategori tertentu dilakukan secara manual. Data yang dikategorikan dianalisis dengan menggunakan statistik berbantuan komputer (atur cara SPSS/12.0), manakala pekali korelasi pula dianalisis secara manual. Paras signifikan ditetapkan pada *df*.05 untuk ujian dua sisi.

Keputusan Kajian

Penyelidik menetapkan bahawa modul yang dibina mestilah diuji sebanyak dua kali, prosedur ini perlu bagi memastikan bahawa bahan modul yang dibina oleh penyelidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Kaedah uji dan uji kembali dilakukan oleh penyelidik untuk mendapatkan dua set markat dengan mentadbir alat ukur yang sama ke atas subjek yang sama sebanyak dua kali. Markat-markat yang didapati daripada pengukuran pertama (sebelum berlakunya proses P&P) dan pengukuran kedua (selepas berlakunya proses P&P) dikorelasikan. Pekali korelasi yang terhasil akan menunjukkan indeks kebolehpercayaan. Sekiranya pekali korelasi yang didapati positif dan teguh, maka indeks kebolehpercayaan bagi bahan modul tersebut adalah tinggi.

Peringkat seterusnya, penyelidik menganalisis dan memproses data daripada kutipan data yang dilakukan sebanyak dua kali (sebelum dan selepas proses P & P). Untuk membuktikan kekuatan bahan modul yang dibina dan item ujian yang digunakan dalam masa kutipan data dilakukan, penyelidik telah membuat analisis korelasi yang berdasarkan analisis Korelasi Pearson bertujuan untuk membolehkan penentuan dibuat ke atas perkaitan atau hubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang diukur.

Formula yang digunakan dalam pengiraan tersebut adalah seperti yang berikut :

$$\text{Pekali Pearson } (r) = \frac{S_{xy}}{\sqrt{S_{xx} S_{yy}}}$$

di mana $S_{xy} = \sum xy - (\sum x)(\sum y) / N$ = Jumlah variasi

$S_{xx} = \sum x^2 - (\sum x)^2 / N$ = Variasi x

$S_{yy} = \sum y^2 - (\sum y)^2 / N$ = Variasi y

Model yang digunakan oleh penyelidik pula ialah Model Pearson dua sisi, iaitu:

k

r

$$= 0.5 (48)$$

$$= .273$$

yang diperoleh oleh penyelidik melalui formula darjah kebebasan seperti di bawah:

$$\begin{aligned} dk &= N - 2 \\ &= 50 - 2 \\ &= 48 \text{ (Lihat Jadual 5)} \end{aligned}$$

Jadual 5 Nilai kritikal korelasi Pekali Pearson.

df	Paras signifikan untuk ujian satu sisi			
	.05	.025	.01	.005
	Paras signifikan untuk ujian dua sisi			
	.10	.05	.02	.01
1	.988	.997	.997	.9999
2	.900	.950	.980	.990
3	.805	.878	.934	.959
4	.729	.811	.882	.917
5	.669	.754	.833	.874
6	.622	.707	.789	.834
7	.582	.666	.750	.798
8	.549	.632	.716	.765
9	.521	.602	.685	.735
10	.497	.576	.658	.708
11	.576	.553	.634	.684
12	.458	.532	.612	.661
13	.441	.514	.592	.641
14	.426	.497	.574	.623
15	.412	.482	.558	.606

sambungan Jadual 5

df	Paras signifikan untuk ujian satu sisi			
	.05	.025	.01	.005
	Paras signifikan untuk ujian dua sisi			
	.10	.05	.02	.01
16	.400	.468	.542	.590
17	.389	.456	.528	.575
18	.378	.444	.516	.561
19	.369	.433	.503	.549
20	.360	.423	.492	.537
21	.352	.413	.482	.526
22	.344	.404	.472	.515
23	.337	.396	.462	.505
24	.330	.338	.453	.496
25	.323	.381	.445	.487
26	.317	.374	.437	.479
27	.311	.367	.430	.471
28	.306	.361	.423	.463
29	.301	.355	.416	.486
30	.296	.349	.409	.449
35	.275	.325	.381	.418
40	.257	.304	.358	.393
45	.243	.288	.338	.372
50	.231	.273	.322	.354
60	.211	.250	.295	.325
70	.195	.232	.274	.303
80	.183	.217	.256	.283
90	.173	.205	.242	.267
100	.164	.195	.230	.254

Sumber: Ringkasan daripada R.A. Fisher dan F. Yates, Statistical Tables for Biological, Agricultural, ... & Medical Research (New York: Hafnaer, 1974). Cetakan semula dengan kebenaran oleh Mohd. Majid Konting (2000: 583).

Untuk melihat keteguhan hubungan antara dua pemboleh ubah, penyelidik menentukannya dengan menggunakan indeks keteguhan yang dikenal sebagai pekali korelasi. Pada kebiasaannya, dalam mentafsirkan pekali korelasi, simbol r akan digunakan sebagai petunjuk tentang sejauh manakah kekuatan atau keteguhan di antara satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang lain. Penyelidik akan menggunakan tafsiran nilai pekali r mengikut Guilford (1989).

Jika nilai r di bawah .20, ini menunjukkan korelasi yang kecil dan hampir-hampir tiada hubungan di antara pemboleh ubah; jika r berada di antara .20 hingga .40, ini menunjukkan korelasi yang rendah dan wujud hubungan yang pasti di antara pemboleh ubah tetapi hubungannya kecil; jika r berada di antara .41 hingga .70, ini menunjukkan korelasi yang sederhana dan mempunyai hubungan yang teguh di antara pemboleh ubah; jika r berada di antara .71 hingga .90, ini menunjukkan korelasi yang tinggi dan mempunyai hubungan yang ketara di antara pemboleh ubah; dan jika r berada di antara .91 hingga 1.00, ini menunjukkan korelasi yang sangat tinggi dan hubungan di antara pemboleh ubah adalah boleh dipercayai.

Untuk memudahkan pengiraan analisis korelasi di antara markat ujian sebelum dan selepas proses P&P penyelidik telah membahagikan pengalisan modul kepada enam unit seperti di bawah :

- Unit 1 : A1 hingga A9 (Peringkat Prabacaan)
- Unit 2 : A 10 hingga A 14 (Pelajaran 1 hingga Pelajaran 5)
- Unit 3 : A 15 hingga A 19 (Pelajaran 6 hingga Pelajaran 10)
- Unit 4 : A 20 hingga A 24 (Pelajaran 11 hingga Pelajaran 16)
- Unit 5 : A 25 hingga A 29 (Pelajaran 16 hingga Pelajaran 20)
- Unit 6 : A 30 hingga A 34 (Pelajaran 21 hingga Pelajaran 25)

Analisis Korelasi Pearson

Sebelum pengiraan Pekali Pearson dilakukan, penyelidik terlebih dahulu memproses data-data dengan menggunakan program SPSS 12.0. Pemprosesan data tersebut dilakukan untuk melihat jumlah frekuensi (kekerapan) bagi setiap item ujian yang diuji ke atas subjek kajian. Pembahagian data diproses mengikut unit-unit yang mengandungi tahap-tahap kemahiran yang perlu dikuasai berdasarkan peringkat pembelajaran.

Secara keseluruhannya, pada peringkat awal kajian, dapatan kajian menunjukkan bahawa subjek kajian tidak dapat menguasai setiap ujian yang dijalankan ke atas setiap subjek kajian dengan baik dan berkesan. Namun demikian, setelah subjek kajian didedahkan dengan proses P&P sebanyak dua kali, dan diuji semula untuk kali yang kedua, didapati bahawa peningkatan pencapaian markat ujian ke atas subjek kajian menunjukkan angka yang begitu memberangsangkan.

Kejayaan ini dapat dinikmati hasil daripada penghasilan modul yang sedemikian rupa dan proses P&P berjalan dengan baik mengikut pemerkingatan bahan yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Sebagai hasilnya, bolehlah dikatakan bahawa modul ‘Asas Membaca Tahun 1’ yang telah

dihadarkan oleh penyelidik secara keseluruhannya telah berjaya menyelesaikan masalah penguasaan asas bacaan dalam kalangan pelajar Tahun 1, khususnya ke atas subjek kajian yang telah menjalani penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik.

HUBUNGAN AMALAN PSIKOLINGUISTIK DENGAN PENGUASAAN SINTAKSIS BAHASA MELAYU MURID TAHUN 1

Penguasaan bacaan asas Bahasa Melayu yang dimaksudkan di sini ialah pencapaian yang diperoleh subjek kajian berdasarkan ujian terhadap modul bacaan asas (Asas Membaca). Semasa sesi ujian bacaan dijalankan ke atas subjek kajian, didapati pencapaian mereka telah menunjukkan kemajuan dan peningkatan yang sangat memuaskan. Uji dan uji kembali ke atas subjek kajian menunjukkan hampir keseluruhan subjek kajian berjaya menguasai bahan bacaan asas berbanding dengan ujian yang dijalankan sebelum dan selepas subjek kajian menjalani proses P&P. Namun demikian, terdapat sedikit gangguan daripada dialek Melayu Kelantan, terutama terhadap kosa kata yang mengandungi vokal e-taling seperti /ayam/ yang disebutnya sebagai /ayɛ/, begitu juga dengan /epal/ yang disebutnya sebagai /ɛpɔ/, tetapi masalah ini tidak begitu menjelaskan dapatan kajian keseluruhannya. Keputusan ujian menunjukkan pencapaian yang sangat baik dan memuaskan (Lihat Jadual 6).

Jadual 6 Keputusan Korelasi Pearson di SK Morak.

Unit	Peringkat	Keputusan	Catatan
1.	Prabacaan	0.99	Korelasi yang sangat tinggi : Hubungan yang boleh dipercayai
2.	Pelajaran 1–5	0.48	Korelasi sederhana : Hubungan yang teguh
3.	Pelajaran 6–10	0.87	Korelasi tinggi : Hubungan yang ketara
4.	Pelajaran 11–15	0.526	Korelasi sederhana : Hubungan yang teguh
5.	Pelajaran 16–20	0.408	Korelasi sederhana : Hubungan yang teguh
6.	Pelajaran 21–25	0.35	Korelasi yang rendah : Hubungan yang pasti tetapi kecil

Keteguhan hubungan di antara penguasaan bahan bacaan asas (Asas Membaca) berdasarkan amalan psikolinguistik dengan pencapaian bahasa Melayu subjek kajian ditentukan dengan formula pekali korelasi Pearson. Pekali yang diperoleh daripada kedua-dua proses pengujian uji dan uji kembali adalah sebagaimana jadual di atas, iaitu 0.99 (Unit 1), 0.48 (Unit 2), 0.87 (Unit 3), 0.526 (Unit 4), 0.408 (Unit 5) dan 0.35 (Unit 6). Dengan ini menunjukkan wujudnya hubungan di antara markat yang dikendalikan oleh penyelidik dengan bahan bacaan asas (modul Asas Membaca).

Hal ini menunjukkan bahawa subjek kajian yang mendapat markat yang baik dalam ujian yang kedua berbanding dengan ujian pada kali yang pertama telah dapat menguasai asas bacaan yang dibina dan dikendalikan oleh penyelidik. Oleh sebab markat uji dan uji kembali yang dikendalikan oleh penyelidik mengambil kira tahap penguasaan bacaan, maka hasil keseluruhan ujian telah membuktikan bahawa amalan psikolinguistik sememangnya mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu pelajar Tahun 1 pada peringkat sintaksis.

KESIMPULAN

Hasil daripada keseluruhan kajian yang dijalankan, sama ada sebelum atau selepas proses P&P dijalankan, telah menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan peratus penguasaan yang sangat membanggakan dalam keseluruhan item (modul) yang dibina dan diuji. Namun demikian masih terdapat sebahagian kecil subjek kajian yang tidak dapat menguasai modul secara keseluruhannya.

Secara keseluruhannya, dapatlah dikatakan bahawa penguasaan subjek kajian adalah unik tetapi tidak menghairankan, kerana keseluruhan hasil kajian berasaskan modul Asas Membaca yang dibina oleh penyelidik ini menunjukkan bahawa daripada hanya 1 (2.0%) subjek kajian yang menguasai hampir keseluruhan item yang diuji telah meningkat kepada 48 (96.0%) subjek kajian pada akhir sesi penerapan amalan psikolinguistik.

Sebagai kesimpulannya, dapatan penyelidikan menunjukkan bahawa murid-murid Tahun 1 berkemampuan menguasai bacaan asas bahasa Melayu dengan begitu memuaskan. Namun mereka perlulah melalui proses-proses P & P sebagaimana yang ditentukan oleh penyelidik, iaitu melalui pemeringkatan bahan yang bersistematis dan bersesuaian dengan tahap umur mereka.

RUJUKAN

- A. Hassan, 1979. *Al-Furqan (Tafsir Qur'an)*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Bower, G. H. dan E. R. Hilgard, 1983. *Theories of Learning*. 5th edition. Englewood Cliffs: Prentice-Hall, Inc.
- Chomsky, N., 1965. *Aspects of the Theory of Syntax*. Cambridge, Mass: The MIT Press.
- Harold, H., 1970. *Language and Personality*. Los Angeles. University of California Press.
- Hergenhahn, B. R., 1989. *An introduction to theories of learning*, (3rd ed.). Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Hulstijn, J. H. And W. Hulstijn., 1984. Grammatical errors as a function of processing constraints and explicit knowledge. *Language Learning*, 34, hlm. 23–43.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 1975. “Penyiasatan Mendalam Berhubungan Kaedah yang Sesuai bagi Mengajar Bacaan dalam Bahasa Melayu” dlm. *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu untuk Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lenneberg, E.H., 1967. *Biological Foundations of Language*. New York: John Wiley and Sons.
- Mangantar Simanjuntak, 1985. “Pendekatan Psikolinguistik Kognitif dalam Pengajaran Membaca Permulaan”. Kertas kerja Seminar Pemanfaatan Beraneka Pendekatan Pengajaran Bacaan Asas bagi Situasi Bilik Darjah di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia 2 – 3 Mac 1985.
- Mangantar Simanjuntak, 1987. *Pengantar Psikolinguistik Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mangantar Simanjuntak, 1988. “Pendekatan Psikolinguistik Kognitif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Membaca bagi Kanak-kanak Berumur 4–6 Tahun”, dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 32:3, hlm. 157–169.
- Noor Aina Dani, 2000. *Kaedah Penyelidikan Bahasa Melayu*. Serdang: IDEAL UPM.
- Santha Oorjitham, 2005. *Higher Education Revolution During Ninth Malaysian Plan*. <http://www.bernama.com>. Diakses pada 21 Disember 2005.
- Slinker, L., 1974. “Interlanguage in Error”. dlm. J.C. Richards (ed.) *Error Analysis*. London: Longman.
- Selinker, L., 1974. “Interlanguage” dlm. J. Schumann, dan N. Stenson (ed.), *New Frontiers in Second Language Learning*. Rowley, MA: Newbury House.
- Tolman E.C., 1932. *Purposive Behavior in Animals and Men*. New York: Appleton-Century-Crofts.
- Tolman, E.C., 1948. Cognitive Maps in Rats and Men. *Psychological Review*, 55, hlm.189–208.
- Tolman E.C., 1949. “There is More Than One Kind of Learning” dlm. *Psychological Review*, 56, hlm. 144–155.
- Tolman E.C., 1949. “Principles of Purposive Behaviour”. dlm. S. Koch (ed.) *Psychology: A Study of Science*. New York: Mc Graw-Hill.

LAMPIRAN 1

- i. Setiap pengajaran membaca di SR seharusnya dimulakan dengan pengayaan bahasa dan pengalaman murid. Pengayaan ini dapat dilakukan dengan cara bercerita, berlakon, menggambar, bermain-main dan lain-lain. Dalam hal ini, murid harus turut mengambil bahagian. Setiap kegiatan haruslah dilakukan dengan cara yang sangat tidak formal. Murid harus diberi kebebasan sama ada muhu berbaring, bersila atau duduk. Disiplin yang ketat haruslah dielakkan, tetapi haruslah dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Mereka digalakkan bercakap dan bertanya. Pembetulan kesalahan dengan cara yang demonstratif hendaklah dielakkan tetapi dibuat dengan cara mengulangi pertanyaan dan memberikan pertanyaan bentuk yang betul. Dua bulan yang pertama boleh dihabiskan untuk proses pengayaan ini.
- ii. Proses pengayaan bahasa dan pengalaman ialah dua kejayaan pengajaran dan pembelajaran membaca di SR. Oleh yang demikian, kata, benda, dan pengalaman baharu harus diperkenalkan setiap hari. Pengayaan setiap kegiatan janganlah terlalu lama (masa lima hingga 10 minit sudah memadai), kerana murid cepat bosan. Kegiatan haruslah diselang-seli, iaitu antara kegiatan kolektif (misalnya bercerita, berlakon) dengan kegiatan individu (misalnya menggambar, melihat-lihat gambar dan membaca buku).
- iii. Pada setiap pengayaan bahasa dan penggunaan istilah metalinguistik, seperti “kata”, “huruf”, “bunyi”, “membaca”, “baca”, “tulis”, “menulis” harus diperkenalkan secara demonstratif dengan pengulangan yang tinggi. Tujuannya adalah untuk memberi mereka kesedaran metalinguistik yang tinggi yang akan menunjang dalam pengajaran dan pembelajaran membaca dan menulis.
- iv. Setiap pengalaman istilah metalinguistik harus diberikan dengan cara bermain-main. Misalnya jika kita hendak memperkenalkan istilah ‘membaca’, maka kita mulakan dengan kalimat yang berikut:

Murid-murid, hari ini cikgu akan bercerita. Cerita mengenai Anak Ikan Yang Degil, cikgu akan *baca* daripada buku ini. Cikgu akan membaca dengan lambat dan murid-murid harus mendengarnya dengan baik ... dan seterusnya.

Adalah lebih baik lagi sekiranya setiap orang murid diberi satu buku cerita yang sama dan guru menunjukkan di mana cerita itu mula dibaca. Murid yang cerdas akan cuba mengikutinya, sedangkan murid yang lembap mungkin belum faham akan apa yang terjadi.

v. Tujuan utama langkah iv adalah untuk memperkenalkan istilah metalinguistik dan pada masa yang sama mendedahkan mereka kepada lambang bertulis dengan pemahaman yang tinggi, iaitu bahawa lambang-lambang bertulis itu adalah cerita ‘Anak Ikan Yang Degil’ dan guru *sedang membacanya*. Pada waktu ini istilah ‘menulis’ pun boleh diperkenalkan. Misalnya guru berkata:

Murid-murid, cikgu akan menulis nama cerita ini di papan tulis. Ini kapur tulis (termasuk pengayaan bahasa) dan ini papan tulis (kata baharu). Cikgu sedang menulis nama cerita di papan tulis ini ‘Anak Ikan Yang Degil’ (diulang sebutannya).

vi. Setiap kegiatan pengayaan bahasa dan pengalaman tersebut harus dilakukan sedemikian rupa sehingga kanak-kanak dirangsang untuk berfikir, untuk mengamati, membezakan, membandingkan, dan memecahkan masalah. Selain itu, mereka harus juga didedahkan kepada benda bertulis secara berulang-ulang dengan pemahaman yang tinggi. Misalnya menunjukkan benda yang mempunyai label, seperti sabun, syampu, biskut, susu kotak, dan lain-lain, dan menarik perhatian kanak-kanak kepada label itu secara berulang-ulang.

vii. Pada bulan ketiga, guru memulakan satu permainan baharu untuk menarik perhatian murid kepada konsep *menulis* dan *membaca* dengan cara serentak. Dengan cara bermain-main, guru menuliskan nama kanak-kanak di papan tulis dengan terlebih dahulu menanyakan nama setiap murid:

“Siapa nama awak?”

“Ahmad.”

“Sekarang cikgu akan *menulis* nama kamu di papan tulis.”

Guru menuliskannya sambil menyebut. Demikian seterusnya sampai semua nama telah ditulis dengan kapur yang berwarna-warni. Berikan masa beberapa minit agar kanak-kanak memandang dan mengamati nama masing-masing. Selepas itu, permainan mencari nama masing-masing dimulakan. Nama itu telah dituliskan terlebih dahulu dan dimasukkan ke dalam kotak. Ada baiknya setiap murid mempunyai beberapa nama dalam kotak itu tetapi dengan warna yang sama.

viii. Seterusnya, guru menciptakan segala macam permainan untuk mendedahkan kanak-kanak kepada bahan bacaan dan juga kegiatan menulis sebanyak mungkin. Dengan pendedahan yang banyak sambil bermain-main ini, mereka akan dapat membaca dan menulis tanpa pengajaran formal. Jika ada kanak-kanak yang agak lambat pemahamannya, pendedahan tambahan dengan cara bermain-main hendaklah diberikan.

ix. Setelah kanak-kanak dapat membaca (biasanya pada bulan ke-5) guru harus terus berusaha memastikan bahawa kanak-kanak memahami apa yang dibacanya. Hal ini dapat dilakukan dengan mengajukan pertanyaan sederhana. Tujuan utama membaca, iaitu mendapatkan erti harus ditekankan sejak awal-awal lagi.

x. Pengajaran secara formal haruslah sentiasa dijaga, agar tidak menakutkan dan membosankan murid.

- Mangantar Simanjuntak, 1988:166

LAMPIRAN 2

- **Huruf (Prabacaan)**

- Huruf kecil mengikut urutan
- Huruf kecil tidak mengikut urutan
- Huruf besar dan huruf kecil yang tidak sama bentuknya
- Huruf besar dan huruf kecil yang sama bentuknya

- **Suku kata terbuka KV (Prabacaan)**

- Vokal bercampur huruf-huruf c, m, n, r, s, v, w, x dan z
- Vokal bercampur huruf-huruf b, d, k, f, h, l dan t
- Vokal bercampur huruf-huruf g, j, p, q dan y

- **Perkataan, frasa dan ayat**

Pelajaran 1: Vokal – i a e e o u

Perkataan (v + kvk)

Pelajaran 2: Suku kata – ni na ne ne no nu

Frasa dan mudah (kvk + kvk) dan (kvk + kvkv)

Pelajaran 3: Suku kata – mi ma me me mo mu

Ayat mudah mengandungi dua hingga tiga perkataan
(kvk + kvkv) dan (kvk + kv + kvkv)

Pelajaran 4: Suku kata – bi ba be be bo bu

Perkataan bergambar dan tidak bergambar (v + kv) dan
(kv + kv)

Ayat mudah mengandungi tiga perkataan (v + kv), (kv + kv),
(v + kv + kv)

Pelajaran 5: Suku kata – di da de de do du

Perkataan bergambar (kv + kv)

Ayat mudah mengandungi tiga dan empat perkataan (v + kv),
(kv + kv)

Pelajaran 6: Suku kata – ki ka ke ke ko ku

Perkataan bergambar dan tidak bergambar (v + kv) dan
(kv + kv)

Ayat mudah mengandungi dua, tiga dan empat perkataan
(v + kv), (kv + kv)

- Pelajaran 7: Suku kata – si sa se se so su
Ayat mudah mengandungi dua, tiga dan empat perkataan
(v + kv), (kv + kv)
- Pelajaran 8: Suku kata – yi ya ye ye yo Yu
Frasa mudah – (v + kv) dan (kv + kv)
Ayat mudah terdiri daripada ayat penyata dan ayat tanya,
mengandungi tiga dan empat perkataan (v + kv), (kv + kv)
- Pelajaran 9: Suku kata – pi pa pe pe po pu
Perkataan bergambar (v + kv) dan (kv + kv)
Ayat tanya mengandungi satu, dua dan tiga perkataan (v + kv),
(kv + kv), (kv + kv + kv)
Ayat mudah mengandungi dua, tiga dan empat perkataan
(v + kv), (kv + kv), (kv + kv + kv)
- Pelajaran 10: Suku kata – ci ca ce ce co cu
Perkataan tidak bergambar (kv + kv)
Ayat tanya mengandungi lima perkataan (kvk), (v + kv),
(kv + kv)
Ayat penyata mengandungi dua, tiga dan empat perkataan
(kvk), (v + kv), (kv + kv)
- Pelajaran 11: Suku kata – ti ta te te to tu
Ayat tanya mengandungi dua perkataan (v + kv), (kvk + kv)
Ayat penyata berdasarkan cerita bergambar, mengandungi dua
hingga enam perkataan (v + kv), (kv + kv), (kv + kv + kv),
(kvk + kv + kv)
- Pelajaran 12: Suku kata – ri ra re re ro ru
Ayat penyata dan cerita bergambar, mengandungi empat hing-
ga sebelas perkataan (kvk), (kvk), (kv + kv), (kv+ kv + kv),
(kvk + kv + kv)
- Pelajaran 13: Suku kata – li la le le lo lu
Perkataan dan tidak bergambar (kv + kv)
Ayat penyata berdasarkan cerita, mengandungi lima hingga
lapan perkataan (kvk), (kv + kv), (kv + kvk), (kv + kv + kv),
(kvk + kv + kv)
- Pelajaran 14: Suku kata – gi ga ge ge go gu

Perkataan bergambar (kv + kv)

Ayat mudah berdasarkan cerita, mengandungi tiga hingga lima perkataan. (v + kv), (kv + kv), (kv + kvk), (kv + kvkk)

- Pelajaran 15: Suku kata – hi ha he he ho hu
Perkataan bergambar dan tidak bergambar
(kv + kv)
Ayat tanya dan ayat penyata, mengandungi dua hingga tiga perkataan (v + kv), (kv + kv), (kv + kv + kvk)
- Pelajaran 16: Suku kata – ji ja je je jo ju
Perkataan tidak bergambar (v + kv), (kv + kv)
Ayat mudah berbentuk cerita, mengandungi dua hingga lapan perkataan (v + kv), (v + kvk), (kv + kv), (kv + kvk),
(kvk + kv + kv)
- Pelajaran 17: Suku kata – wi wa we we wo wu
Perkataan bergambar dan tidak bergambar
(kv + kv)
Ayat penyata mudah, mengandungi tiga hingga lima perkataan (kv + kv), (kvk + kv), (kv + kv + kv), (kvk + kv + kv)
- Pelajaran 18: Suku kata – fi fa fe fe fo fu
Perkataan tidak bergambar (kv + kv)
Ayat mudah berasaskan gambar tunggal, mengandungi dua hingga lima perkataan (v + kv), (kv + kv), (vv + kvk),
(kv + kvk), (kvk + kv),
(kv + kv + kv), (kv + kv + kvk)
- Pelajaran 19: Suku kata – zi za ze ze zo zu
Perkataan tidak bergambar (kvk + kv), (kv + kv + kvk),
(k + kv + kv) dan (kv + kv + kv)
Ayat penyata mudah berbentuk cerita, mengandungi dua hingga enam perkataan (kvv),
(v + kv), (kv + kvk), (kv + kv + kv), (kv + kv + kvk)
- Pelajaran 20: Suku kata – vi va ve ve vo vu
Ayat penyata mudah, mengandungi tiga hingga lima perkataan (v + kv), (v + kvk), (kv + kv), (kvk + kv), (kv + kv + kv),
(kv + kv + kv + kvk)
- Pelajaran 21: Suku kata – kvk

Ayat penyata berbentuk cerita.

Pelajaran 22: Suku kata – kvk

Ayat penyata dan cakap ajuk.

Pelajaran 23: Suku kata – (kvk)

Diftong – ai, au dan oi

Vokal berganding – ui dan ia

Ayat penyata dan ayat cakap ajuk.

Pelajaran 24: Suku kata – (kvk)

Diftong – ai dan au

Vokal berganding – ia, ua dan aa

Ayat penyata berbentuk cerita.

Pelajaran 25: Suku kata – (kvk)

Ayat penyata berbentuk cerita.